

**Agong Berangkat Menyaksikan F1  
Bernama  
25 Mac, 2012**

SEPANG, 25 Mac (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah hari ini berangkat menyaksikan perlumbaan Grand Prix Petronas Malaysia 2012 di Litar Sepang, Ahad,

Pasangan diraja itu turut berkenan melawat garaj pasukan yang bertanding dalam perlumbaan berprestij itu, diiringi oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor serta Menteri Pelancongan Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Pengerusi Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) Datuk Mokhzani Tun Mahathir telah memberi taklimat dan memperkenalkan Seri Paduka Baginda berdua dengan pasukan yang bertanding.

Sementara itu, Najib menyampaikan hadiah kepada juara perlumbaan kali ini iaitu Fernando Alonso dari pasukan Scuderia Ferrari serta pemenang kedua Sergio Perez (Sauber F1 Team) dan Lewis Hamilton (Vodafone McLaren Mercedes) di tempat ketiga.

Perlumbaan hari ini yang sepatutnya bermula pada pukul 4 petang terpaksa dihentikan sementara selama 51 minit berikutan hujan lebat dan petir.

Perlumbaan kemudian diteruskan semula pada pukul 5.15 petang selepas pihak SIC mendapati keadaan litar selamat untuk meneruskan perlumbaan.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654751>